



Biro Akademik

Jawatankuasa Perwakilan Pelajar

Sesi 2025/2026

IPGM Kampus Bahasa Melayu

Pensyarah Penasihat : Dr. Siti Aisya Sugumarie binti Abdullah

Payungan : Bendahari Siti Fairuz binti Jamaluddin

Takwim Perancangan Biro AKEMI

Moto AKEMI: Akademik Unggul, Pencetus Kecemerlangan

Nama Aktiviti belum diputuskan

Bil.	Cadangan Aktiviti	Tarikh	Huraian	Status
1.	<p><i>Program Mingguan</i> (<i>Kesalahan Ejaan, Pantun, Peribahasa, Istilah Semasa, Video Sharing</i>)</p> <p>Cadangan Nama:</p> <ul style="list-style-type: none">• Peka Bahasa• <i>Makalah Ilmu</i>• <i>Kandil Ilmu</i>• Kalam Ilmu• <i>Indahnya Ilmu</i> <p>(<i>Makalah : Rencana/ Artikel</i>) (<i>Kandil : Lampu / Pelita</i>) (<i>Kalam : Kata / Perkataan</i>)</p>	Bermula Mac 2025	<p>Objektif:</p> <p>i- Menonjolkan kelab-kelab di IPGMKBM. ii- Menyebarkan informasi yang bermanfaat kepada pelajar untuk diamalkan dalam kehidupan seharian. ii- Meningkatkan kesedaran kepada pelajar tentang penggunaan bahasa yang betul.</p> <p>Sasaran: Semua pelajar</p> <p>Mod Pelaksanaan: Dalam talian Kolaboratif Bersama Kelab-kelab di IPGMKBM</p> <p>Cara Pelaksanaan:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Menghasilkan video berdurasi minimum 30 saat dan maksimum 1 minit dengan kolaboratif bersama kelab di IPGKBM (Contoh; Pengurusan Stres Ketika Minggu Peperiksaan bersama PRSD).2. Penghasilan poster mengenai satu ejaan salah yang sering digunakan dalam kalangan pelajar.3. Hebahan video dan poster pada setiap	<p>Not started ▾</p> <p>Not Started ▾</p> <p>Cadangan Penambahbaikan i- Lihat motivasi ahli-ahli kelab untuk <i>Kesalahan Ejaan, Pantun, Peribahasa, Istilah Semasa, Video Sharing</i>.</p>

			<p>minggu di platform media sosial JPP (IG media_ib).</p> <p>4. Menampal poster gabungan minggu-minggu dalam satu bulan di kolej kediaman.</p>	
2.	<p><i>Podcast</i> (Kolaboratif bersama Biro Teknologi, Multimedia dan Penerbitan, Jawatankuasa Perwakilan Pelajar sesi 2025/2026)</p> <p>Cadangan Nama:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tetuang Udara Institut Bahasa • Senandika Institut Bahasa • Bicara Pendidik Profesional • Wacana Maya • Wacana Minda <p>(Tetuang Udara : Radio)</p> <p>(Senandika : Suara Hati)</p>	<p>Bermula Mac 2025 (10/3/2025)</p>	<p>Objektif:</p> <p>i- Berkongsi ilmu pendidikan kepada para pelajar secara sembang santai.</p> <p>ii- Menyediakan platform untuk para pelajar mengakses dan tonton semula <i>Podcast</i> dengan mengakses melalui platform <i>YouTube</i> Jawatankuasa Perwakilan Pelajar IPGM Kampus Bahasa Melayu.</p> <p>Sasaran: Semua pelajar.</p> <p>Mod Pelaksanaan: Dalam talian.</p> <p>Cara Pelaksanaan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyenaraikan tajuk-tajuk <i>Podcast</i> untuk setiap episod. 2. Menyenaraikan nama-nama pensyarah sebagai tetamu jemputan untuk menyampaikan kandungan berkenaan tajuk <i>Podcast</i>. 3. Menghubungi para pensyarah untuk berkolaboratif. 4. Perbincangan kandungan berkenaan tajuk <i>Podcast</i>. 5. Rakaman <i>Podcast</i> 	<p>Not started ▾</p> <p>Not Started ▾</p> <p>Cadangan Penambahbaikan</p> <p>i- 1 bulan, 1 video podcast sahaja.</p> <p>ii- Mungkin akan timbul isu sama program Stanza Bicara.</p> <p>ii- Tajuk: “Bagaimana Mengira Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)” kolaboratif bersama Stanza Bicara (Jabatan Pengajian Melayu).</p>

			<p>dilaksanakan di Bilik Kebudayaan, Kolej Kediaman Dato' Razali Ismail.</p> <ol style="list-style-type: none"> Sunting rakaman video dan hasil suntingan rakaman video yang lengkap disemak oleh Encik Shamsul Bahri untuk kelulusan. Muat naik rakaman <i>Podcast</i> ke <i>YouTube</i> JPP IPGMKBM. Para pelajar boleh tonton semula pada bila-bila masa. 	
3.	<p><i>Google Sites</i></p> <p><i>Cadangan Nama:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Study Buddy <i>KhutubKhanah Akemi</i> <i>Korpus Akemi</i> <p><i>(KhutubKhanah : Perpustakaan)</i></p> <p><i>(Korpus : himpunan makalah (tulisan dsb) mengenai sesuatu perkara tertentu atau kumpulan bahan utk kajian)</i></p>	<p>Bermula April 2025 (21/04/2025)</p>	<p>Objektif:</p> <p>i- Memudahkan pelajar mengakses bahan-bahan ulang kaji bagi tujuan peperiksaan.</p> <p>ii- Membantu pelajar menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang tepat berpandukan sumber daripada Bank RPH.</p> <p>Sasaran:</p> <p>Semua Pelajar dan Pelajar PRAKTIKUM.</p> <p>Mod Pelaksanaan:</p> <p>Dalam Talian (<i>Google Sites</i>).</p> <p>Cara Pelaksanaan:</p> <ol style="list-style-type: none"> Mengumpul bahan-bahan ulang kaji bagi semua kursus peperiksaan daripada pelajar melalui penghantaran di <i>Google Form</i>. Bahan-bahan tersebut akan disemak oleh Biro Akademik terlebih 	<p>Not started ▾</p> <p>Not Started ▾</p>

			<p>dahulu agar selaras dengan Maklumat Kursus (MK) dan seterusnya disemak dan disahkan oleh para pensyarah kursus-kursus berkenaan.</p> <p>3. Melakukan kolaboratif dengan IPGM lain bagi tujuan memperbanyak bahan ulang kaji tersebut yang boleh dilaksanakan dengan berkongsi bahan tersebut di <i>Google Drive</i>.</p> <p>4. Melakukan langkah yang sama bagi mendapatkan contoh-contoh RPH bagi Bank RPH.</p>	
4.	<p><i>Bual Bicara Praktikum</i></p> <p><i>Cadangan Nama:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Langkahan Praktikum Cemerlang 	15 Julai 2025	<p>Objektif:</p> <p>i- Perkongsian pengalaman praktikum oleh Pelajar Kohort Andika yang cemerlang Praktikum.</p> <p>ii- Membantu Pelajar Kohort Bidasari melakukan persiapan untuk Praktikum kelak.</p> <p>iii- Mewujudkan sesi Soal dan Jawab (Q&A) berkenaan Praktikum.</p> <p>Sasaran:</p> <p>Pelajar Kohort Bidasari.</p> <p>Mod Pelaksanaan:</p> <p>Dalam Talian (<i>Google Meet</i>).</p> <p>Cara Pelaksanaan:</p> <ol style="list-style-type: none"> Perbincangan bersama Jabatan Kecemerlangan 	<p>Not started ▾</p> <p>Not Started ▾</p>

			<p>Akademik dan Unit Praktikum.</p> <ol style="list-style-type: none"> Menghubungi Pelajar Kohort A yang cemerlang Praktikum untuk pemakluman perkongsian. Perbincangan bersama Pelajar Kohort A yang cemerlang Praktikum. Pelaksanaan perkongsian. 	
5.	<p><i>Pertandingan Bahasa</i></p> <p><i>Cadangan Nama:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Atma Bahasa</i> • <i>Renjana Bahasa</i> • <i>Buana Bahasa</i> • <i>Bentala Bahasa</i> • <i>Segara Bahasa</i> • <i>Mayapada Bahasa</i> • <i>Sayembara Bahasa</i> • <i>Gema Bahasa dan Sastera Institut Bahasa (GEBARA IB)</i> • <i>Festival Bahasa dan Sastera Insitut Bahasa</i> <p><i>(Renjana : Cinta)</i> <i>(Buana : Dunia/ Bumi/ Alam)</i> <i>(Bentala : Bumi)</i> <i>(Segara : Lautan)</i> <i>(Mayapada : Dunia)</i> <i>(Sayembara : Pertandingan)</i></p>	<p>18 Ogos - 2 September 2025</p> <p><i>Hebahan program: 18 Ogos - 22 Ogos 2025</i></p>	<p>Objektif:</p> <p>i- Menggalakkan integrasi antara kaum dalam kalangan pelajar di IPGMKBM. ii- Memartabat penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar di IPGMKBM. iii- Mendedahkan dan menggilap bakat pelajar dalam bidang kebahasaan.</p> <p>Sasaran: Semua kohort (A,B,C,D dan E)</p> <p>Mod Pelaksanaan: Forum Perpaduan: Dalam talian (<i>Google Meef</i>) dan bersemuka (DAB) Kolaboratif Bersama JPM, JPsM</p> <p>Baca Naskhah Melayu Klasik: Dalam talian (<i>Google Forms</i>) Biro Akademik Dan JPP</p> <p>Cara Pelaksanaan: Forum Perpaduan:</p> <ol style="list-style-type: none"> Pendaftaran kumpulan sepanjang hebahan program berlangsung. 	<p>Not started ▾</p> <p>Not Started ▾</p>

- | | | | | |
|--|--|--|--|--|
| | | | <ol style="list-style-type: none">2. Satu kumpulan perlulah terdiri daripada lima ahli termasuk simpanan.3. Setiap kohort diwajibkan menghantar 2 kumpulan yang diwakili sekurang-kurangnya seorang wakil bukan Melayu.4. Peruntukan masa selama 20 minit untuk setiap kumpulan berforum.5. Satu soalan spontan berkaitan perbincangan forum akan diajukan oleh Ketua Hakim dan dibincangkan selama 1 minit.6. Setiap kumpulan diberi masa 5 minit untuk menjawab soalan spontan.7. 10 kumpulan akan bersaing bagi pusingan saringan secara dalam talian (<i>Google Meet</i>) pada 23 Ogos 2025.8. Pusingan saringan ini akan dinilai oleh hakim dalam kalangan pelajar yang sangat berpengalaman dalam bidang forum.9. Enam kumpulan yang layak ke pusingan separuh akhir akan dibahagikan kepada dua bilik.10. Kedua-dua kumpulan akan bersaing sekali lagi pada 1 September 2025 secara dalam talian iaitu <i>Google Meet</i> | |
|--|--|--|--|--|

			<p>mengikut bilik yang ditetapkan.</p> <ol style="list-style-type: none">11. Pusingan ini akan disiarkan di <i>YouTube</i> secara langsung.12. Enam orang hakim bagi pusingan ini ialah gabungan pensyarah JPM, JPsM dan beberapa orang hakim pusingan saringan.13. Tiga markah tertinggi gabungan daripada dua bilik akan bersaing di pusingan akhir yang akan dilaksanakan di Dewan Aminuddin Baki pada 2 September 2025.14. Hakim bagi pusingan akhir ialah pensyarah JPM dan JPsM. <p>Baca Naskhah Melayu Klasik :</p> <ol style="list-style-type: none">1. Hebahan program.2. Setiap kohort wajib menghantar minimum dua penyertaan bagi pertandingan tersebut.3. Peserta menghantar rakaman video persembahan sebelum tarikh tutup penyertaan pada 29 Ogos 2025 melalui <i>Google Forms</i>.4. Penilaian pemenang tempat pertama, kedua dan ketiga dibuat oleh hakim yang bertauliah.5. Pemenang akan diumumkan ketika Majlis Penutup dan Pusingan Akhir Forum Perpaduan pada 2 September.	
--	--	--	---	--

